



Franco (kanan) menerima hadiah kemenangannya pada majlis itu.

HE 28.11.2013 7

## Pertandingan memancing hangatkan Tamu Gadang Majlis Konvokesyen UMS Ke-15

KOTA KINABALU: Kehangatan Tamu Gadang sempena Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-15 baru-baru ini, dimeriahkan lagi dengan pertandingan memancing anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama pelajar Tahun 2 dan 3, Pengurusan Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) di Tasik Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS).

Pertandingan itu yang merupakan acara rekreasi terakhir sebelum Majlis Konvokesyen melabuhkan tirainya menyaksikan Franco Morrow Balai dinobatkan sebagai Johan setelah berjaya memancing ikan haruan seberat 0.9 kilogram sekali gus membawa pulang wang tunai sebanyak RM700, hamper, joran, medal dan sijil.

Naib Johan disandang oleh Sibin Sinokit dengan ikan tilapia seberat 0.50 kilogram manakala Murkam Hj Hussien muncul sebagai pemenang tempat ketiga dengan ikan seberat

0.45 kilogram.

Mereka masing-masing menerima wang tunai RM500 dan RM300 berserta hamper, medal, joran dan juga sijil.

Hadiah turut diberikan kepada peserta yang berjaya memancing jumlah terbanyak. Pemenangnya jatuh kepada Mohd Arip Mohd Irwansyah dengan hasil tangkapan sebanyak 63 ekor ikan sekali gus menerima hadiah RM50, medal, hamper berserta sijil penyertaan.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur.

Terdahulu, Felo Kolej Kediaman E, Hasnol Noordin turut menyampaikan 20 hadiah cabutan bertuah kepada peserta bertuah.

Pertandingan memancing pada kali ini berjaya menarik penyertaan hampir 100 kaki pancing dari seluruh daerah Sabah.